UUM/DD 49/Dm/06.11.2005/p: 37 (1)

Lambor Kanan Terima 23 Anak Angkat UUM.

SIHAT... acara senamrobik poco-poco yang dilakukan penuntut UUM dan pelajar Sekolah Kebangsaan Lambor Kanan.

"Pada hari kedua, senamrobik poco-poco membuka tirai program. Selepas itu kami mengadakan aktiviti mencari harta karun di Sekolah Kebangsaan Lambor Kanan, manakala pada waktu malam, acara bermesra bersama keluarga angkat dijalankan," katanya.

Zulkarnian berkata, pada hari ketiga, mereka bertolak ke Parit untuk mengikuti sambutan Hari Belia dan Karnival Belia Benci Dadah peringkat daerah Perak Tengah.

"Kampung Lambor Kanan ialah penempatan berselerak. Kampung ini banyak menerima projek anak angkat daripada pihak lain, terutama pejabat belia, jadi penduduk kampung biasa dengan kehadiran anak angkat.

"Menariknya, di sinilah letaknya tempat bersejarah iaitu Pasir Salak yang menyaksikan pembunuhan JWW Birch satu masa dulu.

"Kami turut melawat pusat pemeliharaan tuntung yang ditempatkan dalam kolam bersebelahan Sungai Perak," katanya.

Penuntut Fakulti Perakaunan, Siti Hamizah Elias, berkata ini kali pertama dia ke Perak dan memberi peluang kepadanya mengenali budaya, cara hidup dan loghat daerah negeri itu.

"Pada mulanya, perancangan asal ialah, saya dan seorang lagi peserta menjadi anak angkat satu keluarga. Namun disebabkan ramai peserta menarik diri pada saat akhir, cuma saya untuk satu keluarga angkat.

"Berbeza dengan peserta lain yang mempunyai ibu bapa serta adik beradik angkat, keluarga angkat saya cuma ibu tunggal berusia lingkungan 60-an yang tinggal bersendirian selepas kematian suami, manakala semua anaknya tinggal di tempat lain kerana berkahwin atau bekerja.

"Saya simpati dengan ibu angkat kerana kehidupannya tidak seperti orang lain yang meriah dengan ahli keluarga lain. Dia tidak bekerja, tetapi difahamkan, anaknya memberikan wang belanja," katanya.

Bagaimanapun, katanya, walaupun tinggal sendirian, rumah ibu angkatnya terletak berhampiran rumah jiran.

Ini memudahkan jiran menjenguk wanita terbabit serta memberi bantuan diperlukan seperti membeli kiriman barangan keperluan harian di pekan.

"Kebanyakan penduduk di kampung itu bergantung kepada hasil tani." Kedudukan kampung ini jauh daripada bandar Taiping dan pekan paling dekat ialah Bota," katanya.

Siti Hamizah berkata, reka bentuk rumah penduduk kampung agak unik kerana bertiang dan bahagian bawah rumah dijadikan tempat berehat atau menyimpan barangan.

"Pada hari pertama, saya sukar memahami percakapan ibu angkat saya kerana loghat daerahnya pekat. Dia terpaksa mengulang kembali perkataan disebut atau menerangkannya jika saya tidak faham," kata Siti Hamizah yang berasal dari Johor.

Beliau berkata, kunjungan ke kampung itu memberinya peluang menyelami kehidupan masyarakat luar bandar yang jauh daripada arus pembangunan, mengenali budaya penduduk negeri lain dan mempelajari loghat daerah.

Sementara itu, Penuntut Fakulti Komunikasi dan Bahasa Moden, Zulkifli Mansor, berkata keluarga angkat menyambut baik kedatangannya, malah turut membawanya bertemu saudara mara mereka.

"Penduduk kampung pula aktif dan bersedia mengikuti program diatur serta bersikap ramah dan mesra. Bakti siswa ini menarik kerana tidak terlalu padat dengan program dan lebih banyak masa dihabiskan untuk mengeratkan hubungan dengan keluarga angkat," katanya.

Nukha Surat 2 dari 2.